



JABATAN LANDSKAP DAN REKREASI
MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

NOTIS KERJA PENGGILIRAN KONTRAKTOR BIL 1/2021

PENDAFTARAN KONTRAKTOR DI JABATAN LANDSKAP DAN REKREASI
MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

PENGUMUMAN

1. ADALAH DIMAKLUMKAN BAHAWA JABATAN LANDSKAP DAN REKREASI MAJLIS PERBANDARAN KAJANG AKAN MELAKSANAKAN PENGGILIRAN KONTRAKTOR BAGI KERJA-KERJA SEGERA INDEN / PESANAN TEMPATAN (LO) DIBAWAH RM20,000.00.
2. PENDAFTARAN KONTRAKTOR UNTUK MENYERTAI PROSES KERJA PENGGILIRAN INI AKAN DILAKSANAKAN SECARA 'ONLINE' MELALUI LAMAN WEB RASMI MPKJ, SEBAGAI MEMATUHI ARAHAN SOP SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP).
3. PIHAK KONTRAKTOR WAJIB MENGISI MAKLUMAT BORANG PERMOHONAN UNTUK MENYERTAI KERJA UNDI INI DENGAN MELENGKAPKAN BORANG TERSEBUT SERTA MEMUATNAIK(UPLOAD) DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN. HANYA DOKUMEN DALAM BENTUK PDF DAN JPEG SAHAJA DIBENARKAN.
4. TEMPOH MASA PENDAFTARAN ADALAH SELAMA 1 MINGGU SAHAJA.
5. PENDAFTARAN SECARA 'ONLINE' SAHAJA AKAN DITERIMA DAN URUSETIA JABATAN AKAN MENYENARAIKAN DAN MEMAKLUMKAN KEPADA KONTRAKTOR YANG BERJAYA KE PROSES YANG SETERUSNYA.
6. PENGGILIRAN AKAN DILAKUKAN MENGIKUT TUNTUTAN DENGAN NOMBOR GILIRAN YANG TELAH DIBERI SECARA UNDIAN SELEPAS PENDAFTARAN DITUTUP. (SESI UNDIAN AKAN DIMAKLUMKAN KEMUDIAN).
7. KERJA PEMBEKALAN / PERKHIDMATAN YANG DIKELUARKAN INI AKAN DITAWARKAN MENGIKUT KEPERLUAN DARI SEMASA KE SEMASA BERGANTUNG KEPADA JUMLAH PERUNTUKAN DAN PENYEDIAAN SPESIFIKASI.
8. PIHAK KONTRAKTOR TIDAK PERLU HADIR KE PEJABAT UNTUK MENGEMUKAKAN DOKUMEN-DOKUMEN TERSEBUT.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN UNTUK MENYERTAI PROSES KERJA UNDI ADALAH SEPERTI
YANG TERTERA DI BAWAH :-

1. TERBUKA KEPADA KONTRAKTOR LANDSKAP DENGAN PENGKHUSUSAN YANG BERKAITAN.
2. MEMILIKI SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN YANG DIKELUARKAN OLEH SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM) YANG MASIH AKTIF SEPANJANG TAHUN 2021.
3. MEMILIKI SIJIL KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (KKM) BESERTA KOD BIDANG BERSESUAIAN YANG MASIH DALAM TEMPOH SAH LAKU SEPANJANG TAHUN 2021.
4. MEMILIKI SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA YANG MASIH DALAM TEMPOH SAH LAKU SEPANJANG TAHUN 2021.
5. MEMILIKI SIJIL PENGESAHAN PENDAFTARAN SYARIKAT DENGAN UNIT PERANCANG EKONOMI (UPEN) SELANGOR.
6. WAKIL KONTRAKTOR ADALAH TIDAK DIBENARKAN. HANYA PENAMA / PEMILIK YANG SAH SAHAJA SEPERTI DALAM SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN BOLEH MEMBUAT PERMOHONAN. PIHAK JABATAN BERHAK MENOLAK PENYERTAAN SEKIRANYA DIDAPATI MAKLUMATTERSEBUT ADALAH PALSU , DAN MEMBATALKAN PENYERTAAN JIKA MENDAPATI PEMOHON MEWAKILI BAGI PIHAK YANG LAIN.
7. MANA-MANA KONTRAKTOR YANG TELAH MENGHANTAR MAKLUMAT PENDAFTARAN DALAM TALIAN, ADALAH BERSETUJU DAN MENGAKU BAHAWA SEMUA MAKLUMAT YANG DIKEMUKAKAN ADALAH BENAR. SEKIRANYA DIDAPATI MAKLUMAT YANG DIBERIKAN ADALAH PALSU, KONTRAKTOR TERSEBUT ADALAH TIDAK LAYAK UNTUK DISENARAIKAN.
8. KONTRAKTOR YANG LAYAK AKAN MENERIMA EMAIL / PANGGILAN TELEFON DARI WAKIL JABATAN . PASTIKAN ALAMAT EMAIL / NO TELEFON ADALAH BETUL.

**PENDAFTARAN PROSES KERJA PENGGILIRAN KONTRAKTOR AKAN DIADAKAN SEPERTI
BERIKUT:-**

TARIKH & WAKTU : 01 MAC 2021 (ISNIN) JAM 12 TENGAH HARI

PENDAFTARAN SEHINGGA

07 MAC 2021 (AHAD) JAM 12 TENGAH HARI

- **PENDAFTARAN HENDAKLAH DIBUAT SECARA DALAM TALIAN. PAUTAN BAGI BORANG PENDAFTARAN AKAN DISIARKAN DI PORTAL RASMI MAJLIS PERBANDARAN KAJANG , www.mpkj.gov.my bermula pada tarikh dan masa yang dinyatakan di atas.**

